

03/04/1997

Kemboja jamin selesai isu pelaburan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau diberi jaminan oleh Kerajaan Kemboja yang masalah membabitkan isu pelaburan firma Malaysia, Ariston Sdn Bhd, di negara itu akan dapat diselesaikan.

Menurut Perdana Menteri, beliau diberi jaminan itu oleh Perdana Menteri Bersama Kemboja, Hun Sen, yang mengutus surat kepadanya minggu lalu untuk menyatakan mengenai perkara berkenaan.

"Ya, saya memang sudah menerima surat itu dan diberikan jaminan tidak ada masalah.

"Masalah yang timbul itu membabitkan masalah dalaman mereka. Oleh itu, kita percaya perkara ini boleh diselesaikan oleh mereka sendiri," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Jerman, Prof Dr Roman Herzog, di sini hari ini. Herzog dalam rangka lawatan lima hari ke Malaysia.

Minggu lalu, Hun Sen mengutus surat meminta maaf kepada Perdana Menteri atas beberapa masalah dalaman negaranya hingga menyebabkan Ariston Bhd yang melabur di negara itu, menjadi `mangsa'.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas laporan media beberapa hari lalu bahawa Hun Sen menulis surat kepadanya untuk mengecam tindakan seorang lagi Perdana Menteri Bersama Kemboja, Putera Norodom Ranariddh, mengisytiharkan beberapa perjanjian membabitkan Ariston sebagai batal dan tidak sah.

Menurut laporan berkenaan, dalam surat berkenaan Hun Sen memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa perjanjian terbabit masih sah. Perjanjian itu mengenai sebahagian daripada cadangan Ariston untuk membangunkan bandar Sihanoukville sebagai sebuah destinasi pelancongan bernilai RM3.25 bilion.

Dr Mahathir berkata, pucuk pimpinan Kemboja bertanggungjawab dalam tindakan mereka walaupun mereka mempunyai perbezaan pendapat, sama seperti negara lain.

"Bagaimanapun, kerajaan Malaysia percaya masalah ini boleh diselesaikan," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menyatakan sama ada beliau bersedia untuk mengadakan dialog dengan Ranariddh seperti yang dibayangkan oleh Hun Sen dalam suratnya.

(END)